

Bajet 2016 akan tangani kos sara hidup yang kian meningkat

KUALA LUMPUR – Bajet 2016 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 23 Oktober depan dijangka memberikan penejukan terhadap kos sara hidup yang semakin meningkat di negara ini.



AHMAD BASHAH

sara hidup rakyat didapa-

T i m b a l a n Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, penejukan itu diberikan kerana kos

ti menduduki tempat pertama dalam kaji selidik Bajet 2016.

Menurutnya, keputusan kaji selidik itu diperoleh oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi maklum balas yang diberikan rakyat berhubung isu-isu mengenai bajet baru-baru ini.

“Semua orang (rakyat)

termasuk saya mengharapkan ada sesuatu yang terbaik pada pembentangan Bajet 2016 ini lebih-lebih lagi apabila kita tahu kos sara hidup pada hari ini semakin meningkat.

“Dalam kaji selidik Bajet 2016, isu kos sara hidup menduduki tempat pertama yang menjadi harapan rakyat pada pembenta-

ngan itu nanti, saya yakin Bajet 2016 akan memberi tumpuan khusus tentang perkara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Ke Arah Negara Maju: Meningkatkan Perlindungan dan Ketahanan Pengguna bagi mewakili Menteri Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin di sebuah hotel di sini semalam.

Ahmad Bashah berkata, kerajaan mahu mewujudkan golongan pengguna bijak membuat keputusan ketika berbelanja ekoran kos hidup yang semakin meningkat di negara ini.